

PENYELUNDUPAN MANUSIA DI PERBATASAN MARITIM MALAYSIA-INDONESIA: STUDI KASUS DI PULAU BENGKALIS

Muhammad Zulherawan¹, Syahrul Akmal Latif¹, Yendo Afgani@Eusoff²

¹Faculty of Social and Political Science, Islamic University of Riau
²Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding author: Yendo Afgani@Eusoff
yendoeusoff@uniswa.edu.my

Abstrak: Tujuan: Makalah ini dibentuk untuk membincang, menganalisa dan mengidentifikasi aktiviti dan proses penyelundupan manusia di perbatasan Malaysia dan Indonesia. Metodologi: menerapkan pendekatan kualitatif dengan penerangan deskriptif. Teknik wawancara dengan pelaku penyelundupan manusia menggunakan kaedah snowball. Wawancara dilaksanakan pada bulan Februari sehingga April 2017 di Pulau Bengkalis. Dapatan Kajian: aktiviti penyelundupan merangkumi beberapa tahap termasuk pengumpulan, penghantaran, pemindah-tanganan, penampungan orang, dan pemulangan mangsa selundup. Kesimpulan: proses penyelundupan dilakukan secara terorganisasi, bertahap dan melibatkan banyak pihak termasuk pihak berkuasa seperti Polisi, Polis Marin, dan imigrasi di Indonesia dan Malaysia.

Kata kunci: Penyeludupan manusia, perbatasan, proses, Indonesia, Malaysia

Pengenalan

Tenaga kerja adalah pelaku pembangunan dan pelaku ekonomi baik secara individu mahupun secara kelompok. Mereka mempunyai peranan sangat signifikan dalam aktiviti perekonomian nasional, iaitu meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan masyarakat. Di Indonesia, tenaga kerja sebagai salah satu penggerak kehidupan ekonomi dan merupakan sumber manusia yang bilangannya cukup melimpah. Petunjuk ini boleh dilihat pada masih tingginya bilangan pengangguran di Indonesia serta rendahnya peluang kerja yang disediakan (Zaky Alkazar Nasution, 2008).

Perekonomian yang kurang menarik di negara sendiri dan pendapatan yang cukup tinggi dan lebih menarik di negara tujuan telah menjadi penyebab berlaku mobiliti tenaga kerja secara antarabangsa. Ini menyebabkan peluang pekerjaan tidak membolehkan bagi menampung semua masyarakat Indonesia yang begitu ramai, maka ramai warga negara Indonesia yang memilih untuk menjadi tenaga kerja di luar negara dengan harapan dapat memiliki pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi. Dianggarkan seramai lebih dari 3 juta orang yang menjadi TKI (Tenaga Kerja Indonesia) di luar negara. Mana kala negara yang

Fenomena Penyelundupan Manusia

Penyelundupan manusia merupakan jenayah yang sangat sukar diberantas dan disebut-sebut oleh masyarakat antarabangsa sebagai bentuk penghamba sahayaan masa kini dan pelanggaran terhadap hak asasi manusia. Jenayah ini terus menerus berkembang dalam peringkat nasional maupun antarabangsa. Dengan perkembangan dan kemajuan teknologi, maklumat, komunikasi, dan pengangkutan, maka penyelundupan berkembang dengan kaedah yang dalam operasinya sering dilakukan secara tertutup dan bergerak melawan undang-undang (Eka Jaya Putra Hatika Embang, 2013).

Perdebatan akademik untuk mencari definisi yang tepat bagi konsep pemerdagangan orang dan penyelundupan manusia hanya berlaku pada pertengahan 1990-an, tetapi kedua-dua konsep tersebut masih kabur digunakan oleh para penyelidik dalam laporan penyelidikan yang diterbitkan sehingga tahun 2000 (Salt, 2000; David & Mozini, 1999). Walaupun ada usaha yang dilakukan oleh sebahagian ahli akademik bagi membedakan kedua-dua konsep tersebut tetapi ia masih terdapat kekeliruan dan ketidaksesuaian yang digunakan dalam menerangkan sesuatu fenomena samaada dalam kajian kualitatif atau kuantitatif (Buckland, 2009). Oleh itu, United Nation Office on Drug and Crime (UNODC) (2010) telah memberikan tiga asas di dalam membedakan antara pemerdagangan orang dan penyelundupan manusia iaitu:

1. Sumber Keuntungan

Di dalam pemerdagangan orang sumber utama keuntungan adalah melalui pengeksploitasian yang dilakukan terhadap mangsa. Berbeda dengan penyelundupan manusia, di mana penyelundup mendapat keuntungan apabila dapat membantu pendatang haram untuk masuk atau tinggal secara tidak rasmi dan hubungan mereka akan terputus apabila penyelundupan berjaya dilakukan.

2. Transnasionaliti

Penyelundupan manusia perlu melibatkan dua atau lebih negara kerana ia melibatkan dimensi merentas sempadan iaitu aktiviti yang melibatkan rentas sempadan. Bagi pemerdagangan orang ia tidak semestinya melibatkan dimensi merentas sempadan

dan ia boleh berlaku samaada di negara asal, semasa proses perjalanan atau di negara tujuan.

3. Pemangsaan (*victimization*)

Di dalam aktiviti penyelundupan ia tidak berlaku unsur pemangsaan kerana orang yang diselundup pada dasarnya bersetuju untuk diselundup. Namun begitu, ada juga orang diselundup akan menarik balik kelulusan jika mereka dapat terdapat unsur-unsur penderaan atau merbahayakandirinya semasa proses penyelundupan dilakukan. Ia berbeda dengan mangsa pemerdagangan orang yang memang telah dieksploitasi dengan pelbagai bentuk seperti penipuan, penderaan, penjualan dan penculikan.

Namun terdapat persamaan yang dikenali pasti dari pada kedua-dua aktiviti tersebut adalah ia boleh memberi faedah atau keuntungan kepada penyelundup manusia atau pemerdagangan orang. Ini bersesuaian dengan definisi yang diberikan oleh UN Convention on Transnationail Organised Crime (2001) mengenai penyelundupan iaitu:

"Smuggling of migrants 'means the procurement, in order to obtain, directly or indirectly, a financial or other benefit, of the illegal entry of a person into a state party of which the person is not a national or a permanent resideant".

Penyelundupan manusia adalah suatu fenomena yang berlaku merentasi sempadan dan sangat sukar dibanteras serta disebut-sebut oleh masyarakat antar bangsa sebagai salah satu bentuk eksploitasi buruh masa kini dan pelanggaran terhadap hak asasi manusia. Perkara ini terus menerus berkembang samaada di peringkat nasional maupun antarabangsa (Kim, 2009; Me'ndez, 2015; Raymond, 2002; Grigonis, 2016). Dengan perkembangan dan kemajuan teknologi, maklumat, komunikasi, dan pengangkutan, maka semakin berkembang pula dengan kaedah dalam beroperasinya sering dilakukan secara tertutup dan bergerak diluar undang-undang (Nasution Alkazar, 2008; Owczynik, 2016; Jouitteau, 2015).

Laluan pintu sempadan yang digunakan oleh pendatang untuk tujuan penyelundupan manusia adalah pelbagai baik darat, laut atau udara. Pihak sindiket akan menggunakan pelbagai taktik mengikut jenis laluan yang dilalui untuk mengaburi pihak berkuasa. Bagi wilayah utara Semenanjung Malaysia, laluan penyelundupan yang utama adalah darat dan

laut. Laluan darat yang digunakan adalah di sekitar kawasan Padang Besar, Chuping dan Bukit Kayu Hitam, manakala laluan laut adalah sekitar Pulau Langkawi dan Pulau Pinang. Kebanyakan pendatang haram tidak mengetahui sempadan mana yang dilalui kerana mereka dibawa oleh ejen selalunya pada waktu malam. Jika pihak berkuasa ingin mengetahuinya sempadan mana yang dilalui oleh pendatang haram adalah rumit disebabkan penyelundup menggunakan bahasa khusus dan istilah-istilah tertentu. Pihak-pihak yang terlibat dengan aktiviti penyelundupan manusia adalah pihak berkuasa, orang awam, pemandu bas, pemandu teksi dan ejensi pelancongan. Penglibatan pihak-pihak tersebut dalam aktiviti ini telah menyebabkan proses penyiasatan dan risikan menjadi bertambah rumit kerana pihak berkuasa bukan sahaja perlu berhadapan dengan sindiket tetapi dengan orang awam juga (Mohd Na'eim Ajis, 2017).

Dalam undang-undang No.21 tahun 2007 tentang pemberantasan tindak pidana penyelundupan, penyelundupan manusia mempunyai makna yang cukup luas. Berdasarkan Protokol Palermo PBB, maksud dari penyelundupan manusia didefinisikan sebagai berikut:

“People Smuggling/ Trafficking in persons shall mean the recruitment, transportation, transfer, harboring or receipt of persons, by means of the threat or use of force or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefits to achieve the consent of a person having control over another person for the purpose of exploitation
(Undang-Undang No.21 tahun 2007).

Di Indonesia berdasarkan data CMIS PS Satgas Bareskrim Mabes Polri, dianggarkan ada sebanyak 113 kes penyelundupan manusia sejak tahun 2011 hingga September 2013. Biasanya daerah-daerah sempadan Indonesia seperti Riau, Kepulauan Riau, Kalimantan Timur, Nusa Tenggara Timur, Maluku Utara dan beberapa kawasan di Jawa menjadi laluan masuk penyelundupan manusia (CMIS PS Satgas Bareskrim Mabes Polri, 2012).

Kes penyelundupan manusia dari tahun ketahun semakin meningkat. Penghantaran tenaga kerja Indonesia keluar negara sering dijadikan sebagai bahagian dari pelbagai jenayah penyelundupan manusia. Para mangsa penyelundupan manusia ini biasanya masuk melalui laluan haram melalui para orang tengah. Setiap tahun sekurang-kurangnya 450,000 warga Indonesia (70 persen adalah perempuan) di berangkatkan sebagai tenaga kerja keluar negara.

Daripada bilangan tersebut sekitar 46 persen menjadi mangsa jenayah penyelundupan manusia, hasil kajian MigrantCare tahun 2009 (Imam Adriansyah Ibrahim, 2013). Oleh karena itu makalah ini bertujuan untuk mengidentifikasi secara khusus prosedur dan proses penyelundupan manusia di kawasan kajian.

Metodologi

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisa deskriptif. Teknik pengambilan informan menerapkan metod Bola Salji (Snow Ball) iaitu dengan bertanya langsung kepada pelaku penyelundupan yang masih aktif atau pernah terlibat dengan aktiviti menyelundupkan manusia di masa silam. Setelah lengkap informasi diperoleh, peneliti akan meminta informan tersebut memberi informasi siapalagi rakan-rakannya yang pernah terlibat aktiviti penyelundupan. Sehingga dengan kaedah ini sekitar 16 orang pelaku penyelundup dapat dijumpai dan diwawancara dari bulan Februari sehingga bulan April 2017 di Kabupaten Bengkalis. Peneliti menjumpai mereka di waktu siang dan di waktu malam mengikut kesediaan mereka.

Hasil Kajian dan Diskusi

Melalui analisa dari hasil wawancara dengan para pelaku dan bekas pelaku penyelundupan manusia maka proses penyelundupan dibagi kepada beberapa proses sebagai berikut;

1. **Pengumpulan** iaitu suatu proses yang dilakukan oleh para orang tengah yang menjadi kaki tangan pelaku penyelundupan dengan pengumpulan mangsa di wilayah perdesaan atau di perkampungan. Setelah itu mereka akan ditampung menunggu keberangkatan

“....Mendapatkan orang tuada yang yang dio mencari awak kesini ada juga yang kita ambil langsung ke Lombok cari atau dari Pekanbaru samo tekong besar (Pak Dabak, bukan nama sebenar) biasonyo ambil samopak Dabak. Orang Jawa, Madura dan lebih banyak orang Lombok, terus mereka dikumpulkan di dekat belakang rumah kebun karet tuu dibuatkan bansal buat dio tunggu kabar berangkat dari kitolah...”

Informan 1

2. **Penghantaran** iaitu suatu proses melakukan penghantar melalui laluan udara atau laut dengan kapal tongkang di lakukan tengah malam pada jam pengawasan di laut lengah.

.....” Dari sini pakai pompong (tongkang), 1 pompong (tongkang) tu mau isinya 100-150 orang, dari sini kita berangkat petang (sore) sampai di Tanjung Jati tengah malam kita bersandar 1 malam selepas tu sore baru berangkat ke Malaysia diantarlah ke parit mal,Pontian dan lain-lain banyak tempat naiknya tapi tergantung tokeh suruh hantarlah...”

Informan 2

3. **Pemindah – tangan** iaitu suatu proses mangsa penyelundupan manusia dari orang tengah yang di kumpulkan dan diberikan kepada penyelundup yang selanjutnya baru dihantar untuk di serahkan kepada cukong (tekong) di Malaysia.

“...sampai di Bengkalis tunggu informasi di laut kalau ada razia gabungan (Indonesia-Malaysia) bias jadi TKI tu berangkat tagak lama lah kalau sudah aman kita berangkatkan paling sedikit sekali berangkat 60 orang...sampai di Malaysia disambutlah sama tekong disana (dari bengkalis Pulau Jati ke Sungai pulau, Pulau Muar malaysia), dia tidak sampai dipelabuhan..dia (mangsa beramai ramai) diturunkan tapi tepi pantai sampai Tulang Sung diambil sama tekong Malaysia, kerja samalah dengan tekong Malaysia umpama ongkos tu RM800 (tekong Indonesia RM500 dan tekong Malaysia RM300) karena tekong Malaysia hantar mereka ke alamat tempat mereka bekerja dan biaya menghantar termasuk biaya penampungan di Malaysia makan merekalah, tekong Malaysiakan pakai pekerja juga buat hantar makanan untuk TKI di penampungan dan mereka juga menunggu TKI sampai dan menghantar TKI kealamat di Malaysia....”

Informan 4

4. **Penampungan orang** iaitu suatu proses pengumpulan mangsa penyelundupan manusia di penampungan berada di tengah hutan yang jauh dari masyarakat dan pengawasan darat.

“.....Dari Bengkalis ni kito jumput dio baik di Lombok, Pekan Baru atau pun datang kesini terus kito kumpulkanlah di bangsal (pondok) yang dibuat dekat belakang rumah kebun karet tu mereka tinggal, dio ramai jadi makan beras 2 goni besar sekejap abis, orang tu masak sendiri kito kasih bahan ajolah sambal menunggu diberangkatkan tu tengok jugo ada dio harus tunggu 1 minggu kadang ado sampai berbulan-bulan tengok aman tidaknya tunggu kabardari polis dan (polis) merine sanolah kalau kato dio aman barulah boleh berangkat....

Informan 1

5. **Pemulangan** iaitu suatu proses mangsa yang ingin kembali pulang ke tempat asal juga memerlukan proses untuk boleh sampai ke daerah asal dengan berkongsi cara samada secara rasmi ataupun secara haram, selain itu pemulangan yang lain secara semi rasmi dengan dibantu oleh pihak berkuasa samada di Malaysia maupun Indonesia.

“Kalau mau balek (ke Indonesia) macam itu jugalah macam waktu pergi..., ikut kapal –kapal pompon (tongkang) lagi, paling tidak 2 hari mereka menunggu di titik-titik pengantaran TKI sampai di Bengkalis diantarlah balek ke Lombok biaya dia sama macam dia pergi RM500..”

Informan 3

...”Ada yang pulang naik pompong(tongkang) lagi ada jugo yang pakai passport tendang untuk mendapatkannya tokehlah urus untuk pulang aja..cuma 1 kali aja boleh digunakan..”

Informan 2

Di sebalik sistem serta permasalahan yang dihadapi oleh tenaga kerja Indonesia (TKI) secara rasmi, proses penghijrahan keluar negara memerlukan proses yang panjang dan berliku-liku sehingga menyebabkan ramai para TKI lebih memilih penghijrahan secara haram (tidak rasmi). Sebagian mereka tidak menyedari dari kesan pilihan ini sehingga mereka sering kali menjadi mangsapenjualan manusia, penipuan dan penyiksaan. Tingginya minat para

tenaga kerja Indonesia (TKI) untuk dapat berhijrah keluar negara dimanfaatkan oleh segelintir individu ataupun syarikat pembekal tenaga kerja tidak rasmi untuk menipu serta menjadi orang tengah bagi para pencari kerja luar negara. Dalam beberapa kes didapati pekerja yang pada awalnya dijanjikan untuk bekerja pada sektor formal, juga setelah berada di Malaysia mereka dijadikan pekerja seks komersial di tempat hiburan malam (Antara News, Februari 2014, diakses tanggal 15 Mei 2015).

Pada tahun 2000, dianggarkan antara 700 ribu hingga 2 juta kaum perempuan dan anak-anak mengalami penyelundupan haram di seluruh dunia, dari bilangan tersebut dianggarkan 200,000 hingga 225,000 diantaranya terjadi di negara-negara Asia Tenggara. Namun angka tersebut sukar dipastikan kerana penyelundupannya dilakukan secara tersembunyi untuk mengelakkan adanya dakwaan terhadap perilaku jenayah. Pada tahun 2003 berlaku peningkatan, laporan dari *Bureau of Public Affairs, US Department of State* pada bulan Jun 2003 menyatakan bahawa setiap tahun dianggarkan 800.000-900.000 manusia telah diselundup melalui batas-batas antar bangsa. Penyelundupan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran perdagangan seks dan buruh antar bangsa (Feric Wardani, 2015).

Oleh itu penyelundupan manusia menjadi salah satu jenayah antar bangsa yang paling menguntungkan dan berkembang sangat pesat. Pada tahun 2005, UNICEF dan *Inter Parliamentary* menyebutkan bahawa amalan penyelundupan manusia telah menghasilkan hingga US \$ 10 bilion per tahun (UNICEF Indonesia, 2010). Namun demikian, dengan sifat yang operasi tidak kelihatan dan bergerak secara rahsia, amalan ini menjadi sangat sulit untuk diketahui jumlah mangsanya secara pasti. Setakat ini, dianggarkan kira-kira 1.2 juta manusia diselundup setiap tahun di seluruh dunia (Harper, 2009).

Kesimpulan

Proses dan prosedur penyelundupan manusia dikalangan pekerja asing Indonesia dengan studi kasus di Pulau Bengkalis dalam kajian ini merangkumi perkara yang rumit dan melibatkan banyak pihak. Aktiviti penyelundupan manusia dilaksanakan secara terorganisasi, bertahap dan melibatkan ramai pihak termasuk pihak mangsa, pihak tekong Malaysia, pihak berkuasa seperti polis, polis marin dan pihak imigresen di kedua-dua negara di Indonesia dan Malaysia dan mengambil masa yang panjang. Penyelundupan manusia seperti di kes Pulau Bengkalis ini juga semakin sukar untuk diberantas kerana ia juga disebabkan kemauan

mangsa untuk diselundup disebabkan ketiadaan peluang kerja di Indonesia dan banyaknya peluang kerja di Negeri Malaysia. Dalam sesetengah kes dapatan kajian menjumpai mangsa yang rela membayar penyelundup agar dapat dibawa dan diselundup ke negara tujuan.

Rujukan

([Http://Kepri.AntaraneWS.Com/Berita/15366/Kes-Penipuan-Tkw-Menonjol-Di-Kepri](http://Kepri.AntaraneWS.Com/Berita/15366/Kes-Penipuan-Tkw-Menonjol-Di-Kepri))

Diakses Tanggal 15 Mei 2015.

- Benjamin, Buckland (2009) "Human trafficking and smuggling: crossover and overlap, in Strategies against human trafficking: The role of security sector," edited by Cornelius Friesendorf, Geneva: Study Group Information, 137-166
- Cmis Ps Satgas Bareskrim Mabes Polri (2012), "Penanganan Penyelundupan Manusia Di Indonesia. Report Of Criminal Investigation Bureau, Indonesia" : Indonesian Police Head quarters, Jakarta
- David F & Paola M (1999) "Rapid Assessment: Human smuggling and trafficking from the Philippines," United Nations Interregional Crime and Justice Research Institute and Australian Institute of Criminology.
- Eka Jaya Putra Hatika Embang (2013), "Peran Unit Counter-Trafficking Iom (International Organization For Migration) Indonesia Dalam Upaya Menangani Human Trafficking Di Kalimantan Barat (2004-2010)", *Ejournal Ilmu Hubungan Internasional*, 2013, 1 (4): 1177-1190
- Eun Young Kim (2009), "Cross border North Korean women trafficking and victimization between North Korea and China: An ethnographic case study", *International Journal of Law, Crime and Justice* 37 - 154(e)169
- FericaWardani (2015), "Process On People Smuggling, Trafficking In Person And Related Transnational Crime (Bali Process) Dalam Menangani Penyelundupan Manusia Di Indonesia Pada Tahun 2008-2013," *Jom Fisip Vol.2 No.2* , Oktober 2015
- Harper Erica (2009), "International Law And Standard Applicable In Natural Disaster Situation (Perlindungan Hak-Hak Warga Sipil Dalam Situasi Bencana)," Jakarta: Grasindo.
- Human Rights Watch. (2009), "Pekerja Di Dalam Bayang-Bayang Pelecehan Dan Eksploitasi Terhadap Pekerja Rumah Tangga Anak di Indonesia." New York: Human Rights Watch

- Iman Adriansyah Ibrahim (2013), "Tinjauan Viktimologis Terhadap Jenayah Perdagangan Orang (Human Trafficking) di Kota Bandung." Tesis Fakultas Hukum Universitas Hasanuddin. Makassar
- Janice G. Raymond (2002), "The New UN Trafficking Protocol," PERGAMON Women's Studies International Forum, Vol. 25, No. 5, pp. 491 – 502, 2002
- Karolina La Fors-Owczynik (2016), "Monitoring migrants or making migrants 'misfit'? Data protection and human rights perspectives on Dutch identity management practices regarding migrants" *Computer law & security review* 32 (2016) 433–449
- Mélanie Jouitteau (2015), "Human Frontiers: An Act of Smuggling Across Social Borders" *Coastal Zones Chapter 4 e 53-67*
- Mohd Na'eim Ajis (2017), "Aktiviti Penyeludupan Migran dalam Kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia", *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 13 issue 2 (13-25) © 2017, ISSN 2180-2491
- Monica Mendez (2015), "Globalization and Human Trafficking, House of Mentoring & Empowerment" Inc., Orlando, FL, USA, *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, 2nd edition, Volume 10
- Salt J (2000) "Trafficking and Human Smuggling: An European perspective", *International migration* Vol.38 (3), 31-54
- Simas Grigonis (2017), "EU in the face of migrant crisis: Reasons for ineffective human rights protection" *International Comparative Jurisprudence*
- Undang-Undang Nomor 21 Tahun 2007, Tentang Pembantuan Tindak Pidana Penyelundupan Manusia, Jakarta, Balai Pustaka
- UNICEF Indonesia (2010), "Children In Indonesia:Child Trafficking", Jakarta: Unicef Indonesia
- United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) (2010), "A Short Introduction to Migrant Smuggling", Issue Paper.
- Zaky Alkazar Nasution (2008) "Perlindungan Hukum Terhadap Perempuan Dan Anak Mangsa Penyelundupan Manusia (Penyelundupan Manusia In Persons), Tesis. Universitas Diponegoro, Semarang.